

KEBERKESANAN *TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING* (TGfU) MELALUI PERMAINAN TRADISIONAL TERHADAP KECERGASAN FIZIKAL, EMOSI DAN KESERONOKAN DALAM KALANGAN MURID PONTENG DI SEKOLAH RENDAH

MOHAMAD FADIL BIN IBRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

KEBERKESANAN *TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING* (TGfU) MELALUI PERMAINAN TRADISIONAL TERHADAP KECERGASAN FIZIKAL, EMOSI DAN KESERONOKAN DALAM KALANGAN MURID PONTENG DI SEKOLAH RENDAH

oleh

MOHAMAD FADIL BIN IBRAHIM

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2022

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.... Assalamulaikum (w.b.t)

Syukur alhamdulillah, melalui rahmat dan kasih sayang Allah SWT, saya dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini dengan jayanya. Kejayaan menyiapkan disertasi ini tidak terlepas daripada bantuan dan motivasi pelbagai pihak sama ada bantuan berupa moral mahupun material. Oleh itu, dengan segala rendah hati saya mempersembahkan untaian terima kasih setinggi-tingginya dan penghargaan yang tulus ikhlas terutama kepada yang tersayang arwah ayahanda (Ibrahim bin Salleh) dan arwah ibunda (Saudah @ Mek Senik bt Awang) atas segala pengorbanan yang tiada putus-putusnya semasa hayat mereka. Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada Prof. Madya Dr. Garry Kuan Pei Ern sebagai penyelia utama dan Prof. Dr. Hairul Anuar bin Hashim, Dr. Kueh Yee Cheng dan En. Nurul Azuar bin Hamzah sebagai penyelia bersama dengan sabar membimbing dan memberi tunjuk ajar yang sangat berharga tanpa mengira masa dan tenaga. Ucapan terima kasih juga kepada Profesor Dr Azlan Abdul Aziz, Dekan Institut Pengajian Siswazah dan Prof. Dr. Wan Rosli bin Wan Ishak, Dekan Pusat Pengajian Sains Kesihatan, juga kepada seluruh kakitangan akademik, Pusat Pengajian Sains Kesihatan. Terima kasih tidak terhingga juga dirakamkan kepada pihak Institut Pengajian Siswazah USM dan seluruh kakitangannya, Selanjutnya persembahkan terima kasih kepada isteri tersayang Noor Hazliana bt Mat Jusof yang telah banyak bersusah payah berkorban untuk saya selaku penulis dalam menghasilkan disertasi ini, juga untuk anak-anak Eisha, (Fariesha Eirin), Is (Faris Danial), Acik (Nur Hasya Balqis) Iman (Firman Risqky) dan Yaya (Nur Faiha Razia), yang telah turut mengharungi suka duka perjuangan selama tempoh pengajian saya di Universiti Sains Malaysia. Terima kasih kepada rakan-rakan sejawat Pensyarah IPG Kampus Sultan Mizan yang pada kesempatan ini namanya tidak dapat penulis sebut satu demi satu. Akhir kata, sekali lagi dengan segala kerendahan hati dan keikhlasan saya aturkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak atas semua budi baik dan jasa yang telah diberikan. Semoga Allah Subhanahu WaTa'ala memberi imbalan pahala yang berlipat ganda. Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SIMBOL.....	xiii
SENARAI SINGKATAN.....	xiv
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar belakang kajian.....	4
1.3 Pernyataan masalah.....	7
1.4 Kepentingan kajian.....	14
1.5 Rasional kajian.....	19
1.6 Objektif kajian.....	21
1.7 Persoalan kajian.....	22
1.8 Hipotesis kajian	23
1.9 Skop kajian.....	24
1.10 Definisi operasional.....	24
1.11 Kesimpulan.....	25
BAB 2 KAJIAN PERSURATAN.....	27
2.1 Pengenalan.....	27
2.2 Teori Hieraki Keperluan Maslow.....	28

2.3	Model <i>Disiplin Asertif Canter</i>	31
2.4	Model <i>Health Related Fitness</i>	33
2.5	Kerangka teoritikal.....	35
2.6	Kerangka konseptual kajian.....	37
2.7	Rumusan kerangka teori dan kerangka konseptual.....	38
2.8	Tinjauan isu penyelidikan.....	39
2.8.1	Isu ponteng dalam kalangan murid sekolah.....	39
2.8.2	<i>Teaching Games for Understanding</i> dalam pendekatan pengajaran.....	43
2.8.3	Hubungan kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan kepada sikap kognitif dan tingkahlaku.....	47
2.8.3(a)	Kajian meta-analisis era 90an hingga tahun 2000.....	48
2.8.3(b)	Kajian meta-analisis dari tahun 2001 hingga tahun 2010.....	51
2.8.3(c)	Kajian meta-analisis dari tahun 2011 hingga tahun 2021.....	57
2.9	Rumusan.....	69
BAB 3 METODOLOGI.....		72
3.1	Pengenalan.....	72
3.2	Pembangunan modul intervensi (kajian fasa 1).....	72
3.3	Kajian kesahan dan kebolehpercayaan soalselidik.....	77
3.3.1	Reka bentuk kajian.....	77
3.3.2	Lokasi kajian.....	77
3.3.3	Populasi kajian.....	78
3.3.4	Persampelan.....	78
3.3.5	Saiz sampel.....	79
3.3.6	Instrumen kajian	80
3.3.6(a)	Konstruk pencapaian emosi.....	84
3.3.6(b)	Konstruk keseronokan dan kepuasan belajar.....	86

3.3.7	Prosedur kajian	89
3.3.8	Analisis statistik.....	89
3.3.9	Kajian rintis.....	91
3.4	Kajian intervensi pelaksanaan PdP modul TGfU melalui permainan tradisional terhadap murid ponteng (kajian fasa 3)	92
3.4.1	Reka bentuk kajian.....	92
3.4.2	Lokasi kajian.....	93
3.4.3	Populasi kajian.....	93
3.4.4	Persampelan.....	95
3.4.5	Saiz sampel.....	96
3.4.6	Instrumen kajian.....	96
	3.4.6(a) Ujian kecergasan fizikal berasaskan Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK).....	97
	3.4.6(a)(i) Daya tahan kardiovaskular.....	98
	3.4.6(a)(ii) Daya tahan otot.....	99
	3.4.6(a)(iii) Kekuatan otot.....	99
	3.4.6(a)(iv) Kelenturan.....	99
	3.4.6(a)(v) Komposisi badan.....	99
	3.4.6(b) Rekod kehadiran murid.....	100
3.4.7	Prosedur kajian	101
3.4.8	Analisis statistik.....	105
3.4.9	Kesimpulan.....	106
BAB 4	ANALISIS DATA.....	108
4.1	Pengenalan.....	108
4.2	Fasa Pertama: Kajian pembinaan modul.....	108
4.3	Fasa Kedua: Kajian pengesahan dan kebolehpercayaan soalselidik.....	112

4.3.1	Demografi responden.....	112
4.3.2(a)	Ujian <i>Confirmatory Factor Analysis</i> (CFA) soalselidik <i>Achievement Emotion Questionneire-Physical Education- Malay version</i> (AEQ-PE-M).....	113
4.3.2(b)	Ujian <i>Confirmatory Factor Analysis</i> (CFA) soalselidik <i>Quality of Life Enjoyment and Satisfaction Questionnaire-Malay version</i> (Q-LES-Q-M).....	117
4.4	Fasa Ketiga: Kajian Intervensi.....	122
4.4.1	Keberkesanan pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional.....	122
4.4.1(a)	Ujian normality, ujian- <i>t</i> dan <i>mixed factorial</i> ANOVA konstruk kecergasan fizikal.....	123
4.4.1(b)	Ujian normality, ujian- <i>t</i> dan <i>mixed factorial</i> ANOVA konstruk emosi.....	126
4.4.3(c)	Ujian normality, ujian- <i>t</i> dan <i>mixed factorial</i> ANOVA konstruk keseronokan dan kepuasan belajar.....	129
4.4.4	Perbezaan tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan dan kepuasan belajar sebelum dan selepas intervensi.....	132
4.4.4(a)	Keputusan ujian kecergasan fizikal.....	133
4.4.4(b)	Keputusan ujian- <i>t</i> dua sampel berpasangan konstruk kecergasan fizikal.....	133
4.4.4(c)	Keputusan ujian- <i>t</i> dua sampel berpasangan konstruk emosi	134
4.4.4(d)	Ujian- <i>t</i> dua sample berpasangan konstruk keseronokan dan kepuasan belajar.....	135
4.5	Hubungan di antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan belajar dalam kalangan murid ponteng di sekolah rendah.....	136
BAB 5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	138
5.1	Pengenalan.....	138
5.2	Perbincangan.....	139
5.2.1	Pembangunan modul pengajaran TGfU melalui permainan tradisional bagi murid-murid sekolah rendah.....	139

5.2.2	Ujian kesahan dan kebolehpercayaan soalselidik.....	146
5.2.3	Keberkesanan modul TGfU melalui permainan tradisional terhadap murid ponteng	150
5.2.3(a)	Kesan kecergasan fizikal kepada fisiologi dan psikologi.....	151
5.2.3(b)	Kesan emosi terhadap gejala ponteng sekolah.....	154
5.2.3(c)	Kesan keseronokan dan kepuasan belajar kepada amalan ponteng sekolah.....	158
5.2.4	Perbezaan tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan bagi program intervensi.....	160
5.2.4(a)	Pengaruh kecergasan fizikal kepada ponteng.....	161
5.2.4(b)	Pengaruh emosi kepada kecenderungan ponteng.....	164
5.2.4(c)	Pengaruh keseronokan dan kepuasan kepada kecenderungan ponteng.....	167
5.2.5	Hubungan di antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan belajar dalam kalangan murid ponteng di sekolah rendah.....	170
5.3	Implikasi terhadap teori.....	175
5.4	Implikasi terhadap amalan kajian dan kajian masa depan.....	178
5.5	Limitasi kajian.....	182
BAB 6	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	184
6.1	Rumusan kajian.....	184
6.2	Cadangan dan sumbangan kajian.....	187
6.3	Kesimpulan keseluruhan.....	192
	SENARAI RUJUKAN.....	194
	Lampiran A: Penerbitan	
	Lampiran B: Pembentangan	
	Lampiran C: Surat kelulusan JEPeM untuk menjalankan kajian	
	Lampiran D: Surat kelulusan JPNK	
	Lampiran E: Surat kelulusan KPM	

- Lampiran F: Borang perundingan dan kelulusan etika
- Lampiran G: Surat kebenaran ibubapa/penjaga ujian kecergasan fizikal
- Lampiran H: Borang skor pelaksanaan ujian SEGAK
- Lampiran I: Prosedur Pelaksanaan ujian SEGAK
- Lampiran J: Soal selidik konstruk emosi AEQ-PE-M
- Lampiran K: Soal selidik konstruk keseronokan dan kepuasan belajar Q-LES-Q-M
- Lampiran L: Aktiviti ujian kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik
- Lampiran M: Aktiviti ujian kecergasan fizikal (ujian pra)
- Lampiran N: Aktiviti program intervensi TGfU melalui permainan tradisional
- Lampiran O: Aktiviti ujian kecergasan fizikal (ujian pos)

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 3.1	Format dan pembahagian topik dalam modul.....	76
Jadual 3.2	Jadual penentu saiz sampel (Cohen et al., 2018).....	79
Jadual 3.3	Pembolehkan dan jenis-jenis ujian.....	80
Jadual 3.4	Item dan konstruk soal selidik keseronokan dan kepuasan.....	87
Jadual 3.5	Pengujian statistik berdasarkan persoalan kajian	88
Jadual 3.6	Tahap kesesuaian item cadangan pakar.....	90
Jadual 3.7	Program Intervensi 12 minggu sekolah rawatan dan kawalan.....	93
Jadual 3.8	Sekolah-sekolah terlibat dalam kajian intervensi.....	94
Jadual 3.9	Pembolehkan dan jenis-jenis ujian	97
Jadual 3.10	Norm ujian kecergasan fizikal berasaskan Panduan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK).....	98
Jadual 3.11	Jadual penentu pemilihan responden berdasarkan kehadiran	100
Jadual 3.12	Jadual perlaksanaan program intervensi.....	101
Jadual 3.13	Penentuan statistik penguji hipotesis nul	105
Jadual 4.1	Penilaian pakar berkaitan kebolegunaan modul.....	110
Jadual 4.2	Nilai pengiraan kesahan kandungan modul.....	111
Jadual 4.3	Demografi responden kajian kesahan	112
Jadual 4.4	Pemuatan faktor standard soal selidik AEQ-PE-M berdasarkan ujian CFA.....	113
Jadual 4.5	Ringkasan model fit bagi soalselidik Q-LES-Q-M.....	118
Jadual 4.6	Analisis CR, CA, dan kolerasi bagi model fit Q-LES-Q-M.....	119
Jadual 4.7	Demografi responden kajian intervensi.....	122
Jadual 4.8	Ujian normaliti kecergasan fizikal (SEGAK).....	124

Jadual 4.9	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel bebas kesan kecergasan fizikal.....	125
Jadual 4.10	Analisis <i>mixed factorial</i> ANOVA dan <i>F</i> -statistik kesan kecergasan fizikal.....	125
Jadual 4.11	Ujian normaliti konstruk emosi.....	127
Jadual 4.12	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel bebas konstruk emosi.....	127
Jadual 4.13	Analisis <i>mixed factorial</i> ANOVA dan <i>F</i> -statistik kesan konstruk emosi.....	128
Jadual 4.14	Ujian normaliti konstruk keseronokan dan kepuasan belajar.....	130
Jadual 4.15	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel bebas bagi keseronokan dan kepuasan belajar (Q-LES-Q-M).....	130
Jadual 4.16	Analisis <i>mixed factorial</i> ANOVA dan <i>F</i> -statistik Keseronokan dan kepuasan belajar.....	131
Jadual 4.17	Status kecergasan fizikal sebelum dan selepas intervensi.....	133
Jadual 4.18	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel berpasangan kesan aktiviti fizikal.....	134
Jadual 4.19	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel berpasangan bagi konstruk emosi.....	135
Jadual 4.20	Analisis ujian- <i>t</i> dua sampel berpasangan bagi keseronokan dan kepuasan belajar.....	136
Jadual 4.21	Kolerasi untuk konstruk kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan bagi program intervensi	137

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1	Analisis Hieraki Keperluan Maslow.....	29
Rajah 2.2	Kerangka teoritikal kajian.....	36
Rajah 2.3	Kerangka konseptual kajian.....	38
Rajah 3.1	Carta alir proses pembangunan modul TGfU melalui permainan tradisional	73
Rajah 3.2	Proses terjemahan dan validasi soalselidik.....	81
Rajah 3.3	Carta alir prosedur pelaksanaan dan pengumpulan data kajian bagi program intervensi	102
Rajah 4.1	Diagram ujian CFA bagi soalselidik AEQ-PE-M.....	116
Rajah 4.2	Diagram analisis ujian CFA model 3 _b Q-LES-Q-M	121
Rajah 4.3	Diagram nilai skala min konstruk kecergasan fizikal	126
Rajah 4.4	Diagram nilai skala min konstruk emosi.....	129
Rajah 4.5	Diagram nilai skala min konstruk keseronokan dan kepuasan.....	132

SENARAI SIMBOL

α	Aras signifikan
$<$	Lebih kecil
$>$	Lebih besar
$\%$	Peratus

SENARAI SINGKATAN

TGfU	<i>Teaching games for understanding</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Plan Induk Pembangunan Pendidikan
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
CFA	<i>Confirmatory factor analysis</i>
CFI	<i>Comparative fit index</i>
TLI	<i>Tucker-Lewis index</i>
RMSEA	<i>The Root Mean Square Error of Approximation</i>
SRM	<i>Statistical region merging</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
SEM	<i>Struktural Equation Model</i>
CA	<i>Correspondence Analysis</i>
SEGAK	Standard kecergasan fizikal kebangsaan
AEQ-PE-M	<i>Achievement Emotions Questionnaire-Physical Education-Malay</i>
Q-LES-Q-M	<i>Quality of Life Enjoyment and Satisfaction Questionnaire-Malay</i>
3M	membaca, menulis, dan mengira
PJK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
PDPR	Pengajaran dan pembelajaran di rumah
IPS	Institut Pengajian Siswazah
USM	Universiti Sains Malaysia
DAC	<i>Model Displine Asertif Canter</i>
HRF	<i>Health Related Fitness</i>
AAHPERD	American Alliance for Health Physical Education, Health and Dance
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
4M	Membaca, Menulis, Mengira dan Menakul
PA	<i>Positive Affect</i>
NA	<i>Negatif Affect</i>
MDD	<i>Major Depresi Disorder</i>
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik
HOTs	<i>High Order Thinking Skill</i>

**KEBERKESANAN *TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING* (TGfU)
MELALUI PERMAINAN TRADISIONAL TERHADAP KECERGASAN
FIZIKAL, EMOSI DAN KESERONOKAN DALAM KALANGAN
MURID PONTENG DI SEKOLAH RENDAH**

ABSTRAK

Proses pembelajaran berkualiti akan menyediakan murid ke arah pengalaman positif, beremosi dan menyeronokan. Integrasi berkonsepkan modul pengajaran TGfU melalui permainan tradisional dilihat mampu mengubah pengajaran dan pembelajaran kepada yang lebih tersusun, berkesan dan menarik. Kajian ini berbentuk kajian rentas dan kajian kuasi-eksperimental. Dalam fasa satu kajian, penilaian ke atas modul oleh pakar menunjukkan modul yang dibina amat sesuai untuk diaplikasikan terhadap murid sekolah rendah. Keputusan menunjukkan tahap kebolegunaan modul yang sangat tinggi iaitu sebanyak (95.4%), perancangan pengajaran (91.0%), kandungan modul (97.7%), aktiviti PdP (99.0%), dan berkaitan aspek bahasa (100%). Bagi kajian kedua ujian kesahan dan kebolehpercayaan (CFA) soalselidik AEQ-PE-M menunjukkan kesesuaian model dengan indeks muat ($CFI = 0.936$, $TLI = 0.926$, $RMSEA = 0.039$ (90% CI, 0.034, 0.045), $SRMR = 0.049$). Manakala bagi model akhir Q-LES-Q-M menunjukkan kebolehpercayaan indeks muat yang baik $CFI = 0.930$, $TLI = 0.926$, $RMSEA = 0.029$ (90% CI, 0.025, 0.032), $SRMR = 0.042$). Berdasarkan dua petunjuk *Composite Reliability* (CR) dan *Cronbach's Alpha* (CA) kebolegunaan modul berada pada tahap tinggi dan bersesuaian. Konstruk fizikal (CR = 0.857, CA = 0.854), perasaan (CR = 0.808, CA = 0.813), kerja rumah (CR = 0.837, CA = 0.837) dan masa lapang (CR = 0.742, CA = 0.737). Dalam fasa ketiga kajian ujian *mixed factorial ANOVA* digunakan bagi melihat keberkesanan modul TGfU dalam permainan tradisional bagi

kumpulan intervensi dan kawalan. Dapatan menunjukkan tiada kesan yang signifikan berkaitan masa untuk aspek fizikal $F(1,58) = 7.559$, nilai $p = 0.080$, $\eta^2 = 0.115$ dan kesan kumpulan, $F(1,58) = 0.036$, dengan nilai $p = 0.850$, $\eta^2 = 0.001$. Walau bagaimanapun, terdapat kesan interaksi yang signifikan antara masa dan kumpulan, $F(1,58) = 11.077$ dengan nilai $p = 0.020$, $\eta^2 = 0.160$. Bagi pembolehubah emosi, menunjukkan tiada kesan yang signifikan dengan masa, $F(1,58) = 0.278$, nilai $p = 0.600$, $\eta^2 = 0.005$ dan kesan kumpulan $F(1,58) = 1.038$, nilai $p = 0.312$, $\eta^2 = 0.018$. Walau bagaimanapun, kesan interaksi adalah signifikan, $F(1,58) = 0.006$ dengan nilai $p = 0.937$, $\eta^2 = 0.001$. Manakala bagi konstruk keseronokan; menunjukkan dapatan yang signifikan dengan nilai $F(1,58) = 70.087$, nilai $p = 0.001$, $\eta^2 = 0.547$ dan kumpulan, $F(1,58) = 3.703$, nilai $p = 0.001$, $\eta^2 = 0.499$. Walau bagaimanapun, kesan interaksi, $F(1,58) = 57.672$ dengan nilai $p = 0.590$, $\eta^2 = 0.060$. Untuk tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi ujian- t mendapati terdapat perbezaan skor *min* yang signifikan pada ujian kecergasan fizikal bagi kumpulan rawatan dengan nilai $t(29) = -3.751$, $p < 0.001$. Bagi konstruk emosi; tiada perbezaan skor *min* yang signifikan ditemui dengan nilai $t(119) = 4.140$, $p < 0.742$. Manakala bagi aspek keseronokan, terdapat perbezaan skor *min* yang signifikan pada ujian keseronokan dengan nilai $t(29) = -8.580$, $p < 0.001$. Seterusnya ujian kolerasi antara fizikal, emosi, dan keseronokan telah dijalankan. Hanya konstruk fizikal - keseronokan yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $p = 0.409$ (0.250). Aspek fizikal - emosi, nilai $p = -0.56$ (0.768) dan konstruk emosi - keseronokan = -0.269 (0.166) menunjukkan nilai yang tidak signifikan. Program intervensi TGfU terhadap murid ponteng menunjukkan program intervensi memberi kesan dalam meningkatkan aspek fizikal dan keseronokan selain mewujudkan hubungan positif antara kecergasan fizikal dan emosi dalam kalangan murid ponteng di sekolah rendah.

**EFFECTIVENESS OF TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING (TGfU)
THROUGH TRADITIONAL GAMES TO PHYSICAL FITNESS,
EMOTIONAL AND ENJOYMENT AMONG TRUANT
STUDENTS IN PRIMARY SCHOOLS**

ABSTRACT

A quality learning process is able to increase students' experience in positive attitude, emotional and enjoyment. The conceptual integration of TGfU teaching modules through traditional games is seen to be able to change teaching and learning to be more structured, effective, and interesting. The cross-sectional and quasi-experimental is used in this study. In the phase one study, the evaluation of the modules by experts showed that the constructed modules were very suitable For Study 1, the module was evaluated by experts which indicated that the module is suitable to be applied to the primary students, The result showed that the module has the level of usability of the module (95.4%), lesson planning (91.0%), module content (97.7%), TnL activities (99.0%), and related aspects of language (100%) agree and strongly agree. For Study 2, the confirmatory factor analysis (CFA) test of the AEQ-PE-M questionnaire showed the model fit the data well with acceptable fit indices (CFI = 0.936, TLI = 0.926, RMSEA = 0.039 (90% CI, 0.034, 0.045), SRMR = 0.049). The final model of the Q-LES-Q-M also showed acceptable construct validity by using CFA (CFI = 0.930, TLI = 0.926, RMSEA = 0.029 (90% CI, 0.025, 0.032), SRMR = 0.042)). In addition, the Composite Reliability (CR) and Cronbach's Alpha (CA), indicated satisfactory reliability of AEQ-PE-M and Q-LES-Q-M. In study 3, mixed factorial ANOVA was used to test effectiveness of the TGfU module in traditional games

between the intervention and control groups. The result showed that for physical aspects, there was no significant effect in time, $F(1,58) = 7.559$, $p\text{-value} = 0.080$, $\eta^2 = 0.115$ and in group, $F(1,58) = 0.036$, $p = 0.850$, $\eta^2 = 0.001$. However, there is a significant interaction effect with time and groups, $F(1,58) = 11.077$, with $p = 0.020$, $\eta^2 = 0.160$. In terms of emotion aspect, there was also no significant effect in time, $F(1,58) = 0.278$, $p = 0.600$, $\eta^2 = 0.005$ and in group, $F(1,58) = 1.038$, $p\text{-value} = 0.312$, $\eta^2 = 0.018$. But, the interaction effect was significant, $F(1,58) = 0.006$, $p = 0.937$, $\eta^2 = 0.001$. As for enjoyment aspect, the results showed a significant time effect, $F(1,58) = 70.087$, $p = 0.001$, $\eta^2 = 0.547$ and group effect, $F(1,58) = 3.703$, $p = 0.001$, $\eta^2 = 0.499$. However, there was no significant interaction effect, $F(1,58) = 57.672$, $p = 0.590$, $\eta^2 = 0.060$. Further analysis by using t -test was conducted to examine the mean differences in levels of physical fitness, emotional, and enjoyment before and after the intervention for treatment group. Results showed a significant difference in mean score of the physical test (SEGAK) for the treatment group $t(29) = -3.751$, $p < 0.001$. For emotions, there was no significant difference found in mean score with $t(119) = 4.140$, $p < 0.742$. In term of enjoyment, there was a significant mean score difference on the pleasure test with $t(29) = 8.580$, $p < 0.001$. Furthermore, a correlation test was conducted between physical, emotional, and enjoyment. Only the physical construct-enjoyment showed a positive relationship, with $p\text{-value} = 0.409$ (0.250), physical-emotional with $p\text{-value} = -0.56$ (0.768) and emotional construct-pleasure = -0.269 (0.166) indicates an insignificant value. The intervention program through the TGfU concept teaching module on truant students showed that it is an effective intervention to improve the physical aspects and enjoyment besides creating a positive relationship between physical fitness and emotional among truant students in primary school.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Usaha melahirkan modal insan berinovatif dan berkemahiran dapat menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara yang lebih mampan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Sedar tentang situasi tersebut, pihak sekolah perlu menerapkan aspek nilai dan unsur disiplin dalam kalangan murid-murid bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Isu disiplin yang menjadi tumpuan khusus pengkaji adalah berkaitan dengan ketidakhadiran ke sekolah (ponteng). Masalah ini menjadi isu universal yang dihadapi oleh semua sekolah di Malaysia mahupun pada peringkat global malahan pemasalahan ini sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun (Reid, 2002; 2003; 2004; 2013; Gentle-Genitty, 2015; Kearney, 2016; Miiro et al., 2018; Lomholt et al., 2021).

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial memerlukan tahap disiplin yang tinggi (Elias, 2011; Shapiro & White, 2014; Donnelly et al., 2016). Transformasi kurikulum yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2012 telah mengambil beberapa pendekatan baharu untuk diserap dan digunapakai dalam bidang pendidikan. Antaranya adalah aspirasi kualiti berkaitan PdP yang mampu memberi penekanan terhadap usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti guru dan penglibatan murid-murid dalam bilik darjah supaya standing dengan negara-negara maju yang lain (Som et al., 2021). Tanggungjawab bagi meningkatkan kualiti PdP amat memerlukan pendekatan yang lebih segar dan praktikal bagi menarik minat murid (Wingate, 2007; Crosling et al., 2009; Popil, 2011). Menurut Arbaa et al.

(2010), pendekatan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dapat memastikan penyampaian ilmu menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokan seterusnya dapat merangsang minat murid untuk terus kekal belajar.

Boling et al. (2012) dan MacNaughton (2005) menjelaskan proses pembelajaran yang berkualiti dapat menyediakan murid kepada pengalaman yang positif dan bermakna. Pendapat ini disokong oleh Law et al. (2019) dan Ilias dan Nor (2012) di mana pengajaran merupakan satu sistem yang bertujuan membawa perubahan tingkah laku di kalangan murid. Sedar tentang situasi tersebut, pihak sekolah perlu berperanan dalam menerapkan unsur-unsur disiplin khusus dalam kalangan murid bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2017).

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Datuk Pkharuddin Ghazali, berkata pada tahun 2018 sebanyak 10,154 kes disiplin di sekolah berlaku di Negeri Sembilan dan dari keseluruhan jumlah itu, kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi dengan 7,709 kes, manakala baki adalah kes disiplin lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme (Berita Harian, 23 Julai 2019). Gejala ponteng sekolah ini sebenarnya turut menyumbang kepada pelbagai masalah tingkah laku negatif dan masalah devian yang lain (Akers et al., 1995; Heyne et al., 2019; Monahan et al., 2014; Snyder et al., 2005). Delinkuen ini seumpama virus dengan memperlihatkan kepada umum bahawa gejala sosial di negara ini semakin menjadi-jadi dalam kalangan masyarakat khususnya murid-murid sekolah. Kesan langsung boleh dilihat bukan sahaja dari segi tingkah laku murid yang semakin bermasalah ekoran masalah yang semakin tidak terkawal dan yang lebih membimbangkan hal ini berlarutan menjadi isu sosial yang akhirnya boleh menjejaskan imej sesebuah negara (Atherton et al., 2019; Gardner, 2021; Epstein et al., 2002).

Dalam konteks murid sekolah rendah, kaedah bermain merupakan medium pengajaran yang berkesan seiring dengan kajian pernyataan mereka menyukai pendidikan yang tidak formal khasnya yang menawarkan kebebasan melakukan aktiviti yang lebih mencabar dengan persekitaran menyeronokan (Ferkel et al., 2017; Fontvieille et al., 2017; Giménez et al., 2020). Selain itu, konsep bermain sambil belajar penting bagi murid-murid membangunkan diri, mengambil tanggungjawab dan merasa diri dihargai (Anderson & Brice, 2011; O'Donovan et al., 2010; Yu et al., 2006). Bermain merupakan landasan terbaik bagi kanak-kanak untuk berinteraksi dalam proses pembelajaran (Vickerius & Sandberg, 2006). Murid-murid memperuntuk separuh daripada hari dan tenaga mereka meneroka melalui pelbagai aktiviti fizikal (Fontvieille, et al., 2017; Metcalf et al., 2012) untuk meningkatkan daya imaginasi dan interaksi mereka dengan dunia (Brandmiller, 2020; Poole et al., 2011).

Di samping itu, bermain juga dapat mengelakkan rasa bosan dan menghilangkan rasa takut mereka terhadap mata pelajaran yang diajar (Bisson & Luckner, 1996; Wilson, 2018). Kenyataan ini juga disokong oleh Goral (2010) yang berpendapat, bermain mampu meningkatkan kompetensi murid bukan sahaja berkaitan elemen pengetahuan dan kemahiran yang hendak dikuasai sebaliknya aspek sikap dan nilai sesuai dengan transformasi kurikulum yang diwujudkan juga menjadi keperluan (Alcalá et al., 2019). *Teaching Games for Understanding* (TGfU) merupakan suatu konsep pengajaran yang dihasilkan oleh David Bunker dan Rod Thorpe (1982) di Universiti Loughborough, England. TGfU merupakan satu bentuk pengajaran yang begitu popular untuk kefahaman yang mampu menarik minat murid dalam kelas mahupun luar bilik darjah supaya mereka tidak merasa bosan. TGfU menawarkan suatu kaedah untuk meningkatkan keinginan kanak-kanak ke arah yang lebih menyeronokan berkaitan pembelajaran (Alcalá & Garijo 2017; Holt et al., 2002) seterusnya mendorong kanak-

kanak untuk belajar kemahiran dan meningkatkan pencapaian (Hoppel, 2002). TGfU dalam konteks PdP yang diadaptasi melalui permainan tradisional ini dilihat mampu memberi impak besar kepada murid-murid bermasalah ponteng yang mana dilihat mampu menarik minat mereka untuk kekal hadir ke sekolah (Kirk & Macphail, 2002) sekaligus mampu berafiliasi dalam interaksi sosial dan memiliki hubungan interpersonal yang baik (Daley, 2008; Gerth, 2020).

Pendekatan belajar yang diterapkan pengkaji melalui konsep TGfU dalam permainan tradisional turut dilihat menjadi keutamaan dalam proses PdP dalam membekalkan pembangunan pengetahuan terhadap kanak-kanak dalam semua disiplin ilmu (Harvey et al., 2020) terutamanya subjek berkaitan dengan Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) yang berkonsepkan kaedah penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Kaedah TGfU dianggap sebagai salah satu strategi instruksional yang efektif dalam pembelajaran lebih-lebih lagi dalam kalangan murid di sekolah rendah (McKeen, Webb, & Pearson, 2007; Mega, Ronconi, & De Beni, 2014).

1.2 Latar belakang kajian

Dunia pendidikan dilihat semakin hari semakin bertambah kompleks. Hampir setiap hari terpapar berita berkaitan dengan isu pendidikan terutama aspek disiplin dan salah laku (delinkuen). Masalah berkaitan isu ponteng melibatkan murid sekolah begitu ketara dan sering menjadi topik perbualan hangat setiap kali isu pendidikan ini diperdebat oleh semua pihak (Eklund et al., 2020; Hendricks et al., 2010; Noddings & Brooks, 2016; Osler & Starkey, 2003). Hal ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum. Perlakuan delinkuen ini sebenarnya akan menyebabkan penularan kepada pelbagai masalah disiplin lain (Gardner, 2021; Gastic, 2008) yang lebih

kompleks seperti merokok, mencuri, vandalisme (merosakkan harta benda sekolah), mengancam guru dan rakan-rakan selain lain-lain perlakuan tidak normal sebagai seorang murid (Ishak & Fin, 2013). Kesan kepada isu sosial ini akan membawa pula kepada isu yang lebih besar kepada perlakuan jenayah seperti penyalahgunaan dadah, memeras ugut, berkhawat, gengsterisme, pergaulan dan seks bebas (Mustaffa, & Jamil, 2012; Niens & Reilly, 2012; Reid, 2003).

Bermain memberikan peluang kepada mereka belajar menyelesaikan pelbagai bentuk masalah (kognitif, motor, dan sosial) sekaligus mampu menyumbang kepada perkembangan intelektual mereka (Abdullah et al., 2019; Archer et al., 2011). Selain itu, interaksi semasa bermain membolehkan murid-murid belajar kemahiran sosial seperti bertolak ansur, perkongsian dan sikap bekerjasama (Fleer, 2021; Wiersma & Sherman, 2008). Menurut Brackett et al. (2011), kaedah bermain boleh diintegrasikan dalam pengajaran guru bagi meningkatkan minat dan motivasi murid untuk penyelesaian sesuatu tugas pembelajaran. PdP yang menggunakan kaedah permainan sebagai medium pengajaran menjadikan murid-murid belajar dengan lebih cepat selain ianya lebih menyeronokkan (Alcalá et al., 2019; Alcalá & Garijo, 2017; Hopper, 2001).

Pendedahan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengenai 402 senarai sekolah "*hotspot*" seluruh Malaysia yang ada masalah disiplin dan dadah melalui saluran media-media utama di negara ini sememangnya perlu diberi perhatian utama. Isu ini juga turut menjadi tular di media sosial, hal ini seperti biasa mengundang ramai pakar tingkahlaku (devian) tampil memberi pandangan dan cadangan, tidak kurang juga menjatuhkan hukuman kepada pihak-pihak tertentu. Tumpuan khusus diberi pengkaji terhadap masalah disiplin berkaitan ponteng kerana isu ini semakin menular dan kadar keterlibatan murid-murid di peringkat sekolah rendah semakin ketara berlaku (Eklund

et al., 2020; Oplatka & Atias, 2007). Di Malaysia, antara tahun 1999 hingga 2020 gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid-murid adalah antara salah laku yang dominan dan paling menonjol (KPM, 2020). Isu ini bukanlah merupakan masalah sosial yang baru dalam kalangan murid sekolah di Malaysia tetapi data dari KPM menunjukkan bilangan murid-murid yang ponteng sekolah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Berdasarkan rekod KPM pada tahun 2017, seramai 134,108 pelajar terlibat dalam pelbagai masalah disiplin di sekolah dan untuk kes berkaitan dengan masalah ponteng sekolah sahaja menunjukkan sebanyak 67,053 kes mewakili 49.99% salahlaku disiplin iaitu hampir separuh kes-kes disiplin yang dikaitkan di sekolah.

Walaupun pelbagai langkah diambil untuk mengatasi masalah ponteng sekolah oleh pihak KPM melalui kaedah bimbingan dengan membekalkan mekanisma penguatkuasaan yang mantap dan menyeluruh telah dijalankan namun masalah ini belum menampakkan hasil (Katmun et al., 2014; Kim & Page, 2013; Lansford et al., 2002). Perbuatan salah laku ponteng sekolah ini ada kalanya menjadi begitu bertentangan dengan apa yang sepatutnya diamal dan dilakukan oleh seorang murid. Jika masalah ini berterusan, proses PdP akan terjejas. Hal ini demikian kerana, guru berusaha sedaya upaya mendidik murid-murid, dalam masa yang sama mereka juga dibelenggu dengan pelbagai masalah disiplin dan salahlaku yang akan menimbulkan suasana pembelajaran yang kurang efektif. Hukuman sebenarnya bukan jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah sebaliknya lebih kepada bersifat mendidik dan bertujuan mengubah murid kepada perkara yang sepatutnya dilakukan (Gardner, 2021).

Ponteng sekolah kini dilihat sebagai tanda-tanda awal seseorang murid itu sedang menghadapi masalah dalaman (Fernández et al., 2020). Kehadiran murid-murid ke sekolah pada setiap hari sepatutnya menjadi rutin bagi seorang individu yang

bergelar pelajar tetapi apabila mereka melakukan lencongan ini yang memberi isyarat bahawa mereka telah mula hilang arah tuju dan matlamat hidup (Sharif & Roslan, 2011). Secara tidak langsung ponteng sekolah, merupakan cara bagaimana mereka menyampaikan maklumat kepada ibu bapa, pihak sekolah dan masyarakat bahawa mereka memerlukan pertolongan untuk meneruskan hidup ke arah yang lebih positif.

Kedadaan sebegini menjadikan isu ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum. Fenomena yang berlarutan sejak sekian lama telah membantut kecemerlangan pendidikan di negara ini, selain akan mengheret seseorang itu melibatkan diri kepada perbuatan atau salah laku yang lebih memudaratkan (Bakar & Hamzah, 2019). Bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat beberapa aspek penting yang dirasakan mempengaruhi isu disiplin berkaitan ponteng sekolah dan melihat kesignifikan antara masalah ini yang mampu mempengaruhi pelanggaran disiplin tersebut. Penilaian masyarakat umum ke atas murid ponteng sebenarnya mereka memiliki tahap pencapaian akademik yang rendah dan kecergasan yang lemah sering diulas, yang telah dibuktikan melalui kajian-kajin ilmiah sebelum ini. (Canter, 2010; Claes et al., 2009; Dotterer & Lowe, 2011; Eastman et al., 2007; Eng, 2011). Walaupun, kajian mengenai hubungan kecergasan fizikal telah terbukti meningkatkan aspek psikologikal terutama aspek emosi dan kognitif tetapi kaitannya dengan tarikan ke arah masalah ponteng dengan psikologikal dan kecergasan murid masih kurang diberi tumpuan (Ackerman, Kanfer, & Calderwood, 2010).

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), salah satu teras jelas yang diketengahkan adalah berkaitan dengan pembangunan modal insan murid-murid. Jika dilihat secara global, pendidikan merupakan satu aspek terpenting dalam

pembangunan sesebuah masyarakat kerana ianya berperanan sebagai asas kepada tahap kemajuan sesebuah negara dan menjadi indikator kepada hala tuju pembangunan dan kemajuan di masa akan datang (Šteh & Požarnik, 2005). Bagaimanapun, bidang pendidikan ini jugalah yang sering menghadapi pelbagai isu dalam mengawal tingkahlaku dan pembangunan murid khususnya berkaitan masalah disiplin (Russon & Russon, 2009).

Perlakuan ponteng dalam kalangan murid di peringkat rendah sejak kebelakangan ini menjadi penyakit serius yang semakin sukar dirawat (Deshay, 2017; Gerth, 2020; Veloo & Kim, 2014). Jika sebelum ini, ia hanya dianggap masalah dalam kalangan remaja terutama pelajar sekolah menengah namun penemuan kajian terkini menunjukkan bahawa ponteng sekolah telah memberi masalah yang memberi kesan kepada setiap perubahan zaman (Claes et al., 2009; KPM, 2017) yang sehingga kini tiada jalan penyelesaiannya. Perlakuan luar normal ini juga telah dikaitkan dengan tingkahlaku devians. Pengertian devians secara lebih luas dimaksudkan dengan sebarang tingkah laku ponteng yang tidak memenuhi norma sosial sesuatu kumpulan masyarakat (Veloo & Kim, 2014; Jayaram & Caeiro, 2017; Mireles-Rios et al., 2020) seperti tingkah laku seseorang murid yang tidak hadir ke sekolah tanpa sebarang sebab munasabah dan tanpa pengetahuan ibu bapa atau guru (Henry & Thornberry, 2010; Ishak et al., 2017).

Perbuatan delinkuen tidak hanya diperkata secara lisan malahan turut disebarkan melalui media masa yang akhirnya menjadi fokus perdebatan kepada segenap lapisan masyarakat. Pelbagai laporan tentang kesalahan ponteng dan lencongan kehadiran mula dipaparkan di media sosial dan juga disiarkan di dada-dada akhbar dan media elektronik lain. Masalah ponteng sekolah dilihat semakin hari semakin

meningkat akibat daripada pengaruh luar dan sebenarnya ianya membawa implikasi kepada warga pendidik, ibu bapa dan masyarakat secara amnya (Levin et al., 2012; Robinson et al., 2018).

Kebiasaan murid-murid yang terlibat dengan gejala ini sangat mudah terjerumus dalam kegiatan tidak bermoral menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Contoh lain dapat dilihat melalui data daripada KPM pada tahun 2018 adalah berkaitan dengan salah laku ponteng, menunjukkan terdapat 21,060 pelajar dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar terlibat pada tahun sebelumnya. Selain ponteng, salah laku murid kurang sopan seperti merokok, tidak menghormati guru dan pengawas serta berbahasa kasar adalah kesalahan paling banyak dilakukan di sekolah membabitkan 23,220 kes pada tahun 2007 dan 19,980 kes pada tahun 2006.

Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi pegangan setiap murid adalah asas kepada usaha berterusan untuk melahirkan individu-individu yang berilmu dalam masyarakat Malaysia. Bagaimanapun, sekiranya individu yang berilmu tetapi tanpa asas disiplin yang kukuh negara tidak dapat melahirkan masyarakat yang bersedia dalam menghadapi cabaran seiring dengan pembangunan ekonomi dan moral (Osler & Starkey, 2003). KPM turut memberi perhatian khusus kepada pendidikan luar bandar yang mana kadar penguasaan 3M mereka masih rendah disebabkan ketidakhadiran dan kadar keciciran yang terlalu tinggi. Isu ini diumpamakan seperti barah atau virus penyakit dalam kalangan murid-murid kita kerana ia memperlihatkan gejala sosial yang semakin menjadi-jadi secara lebih khusus yang boleh dikaitkan kepada murid di sekolah rendah. Kesan kepada perlakuan ini yang dinilai melalui tingkah laku murid yang menyimpang daripada nilai dan norma kehidupan sekaligus memberi kesan kepada institusi keluarga, sekolah dan masyarakat secara amnya yang menyebabkan golongan

ini sukar untuk dikawal. Tambah membimbangkan lagi isu sosial tidak terkawal ini mampu menjejaskan kehidupan sosial nasional selain menampakkan kepincangan dan kelemahan dalam sistem pendidikan negara (Whitcomb & Merrell, 2013). Isu disiplin dilihat sebagai keadaan atau tingkah laku yang menunjukkan ketidakpatuhan kepada peraturan atau nilai yang diterima masyarakat (Sharif & Suria, 2012). Menurut Myriam (2001), masalah ponteng turut ditafsirkan sebagai keadaan tindakan tidak terkawal. Murid yang terlibat dengan kesalahan ponteng dan lencongan kehadiran dikategorikan dalam kumpulan murid yang melanggar disiplin sekolah, maka pihak sekolah akan mengambil tindakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh KPM dan mengikut peraturan-peraturan di bawah Ordinan Pelajaran 1957.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa terdapat faktor yang membawa kepada terjadinya isu yang menjadi masalah global ini bertambah serius yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku bermasalah murid ini adalah seperti faktor persekitarannya, institusi kekeluargaan yang goyah, pengaruh rakan sebaya, media masa, persekitaran dan environment murid di sekolah (Chan, 2007; Katmun et al., 2014). Selain itu, isu universal ini semakin sukar dibendung juga disebabkan oleh keadaan sekolah yang tidak kondusif untuk menarik minat belajar ataupun wujud keadaan di mana persekitaran sekolah yang tidak menepati selera belajar (Jamil, 2009; Sälzer et al., 2012).

Berdasarkan rekod menunjukkan sejumlah 7,000 individu dibuang sekolah sementara kira-kira 15,000 yang lain digantung persekolahan pada tahun 2005 kerana terlibat dalam pelbagai perbuatan salah laku disiplin (Utusan Malaysia, 2006). Selain itu, rekod menunjukkan seramai 111,484 orang terlibat dalam pelbagai masalah disiplin dan untuk kes ponteng sekolah adalah sebanyak 19,545 kes (KPM, 2010). Oleh itu pengkaji ingin melakukan kajian bertujuan untuk menilai sejauh manakah masalah

ponteng yang berlaku memberi kesan kepada murid-murid sekolah rendah dan mencari penyelesaian kepada pemasalahan melalui beberapa perspektif berbeza bagi menangani masalah ini.

Kajian mengenai hubungan kecergasan fizikal telah terbukti meningkatkan aspek psikologikal terutama aspek emosi dan kognitif (Ackerman et al., 2010) telah banyak dilakukan tetapi kaitan dengan tarikan ke arah masalah disiplin dan emosi dengan kecergasan fizikal murid masih kurang diberi tumpuan. Kesan kecekapan sistem kardiovaskular mampu menyebabkan sistem dalaman tubuh berada pada tahap terbaik seterusnya meningkatkan kelegaan emosi dan kemampuan kognitif. Selain mampu berfungsi bukan sahaja berkaitan sendiri dan mengurangkan tekanan malahan memberi kesan kepada aspek-aspek berkaitan disiplin (Martin et. al. 2011; Schmid & Mast, 2010; Poole, 2011). Ini kerana aktiviti PdP yang sistematik dengan intensiti tersusun, penentuan masa serta bebanan yang bersesuaian ternyata memberi kesan positif kepada perubahan dalaman tubuh badan serta emosi dan kognitif individu (Brandmiller, 2020; Blanchette & Richards, 2011).

Gambaran awal yang sering dipaparkan oleh media masa menunjukkan guru-guru sekolah rendah seolah-olah tidak ada suatu garis panduan dalam menangani murid yang melakukan salahlaku ponteng (Arbaa et al., 2010; Bakar & Hamzah, 2019). Justeru, kajian ini bertujuan meneroka fenomena salahlaku dan isu ketidakhadiran ke sekolah dalam kalangan murid menerusi perspektif kecergasan fizikal, emosi (Blanchette & Richards, 2010) dan keseronokan (Canter, 2010). Taylor et al. (2010) dan Rasberry et al. (2011) merumuskan implikasi positif yang ditemui hasil kajian dari pelbagai sudut dan memberi maklumbalas bahawasanya wujud aspek lain dalam

menangani isu ketidakhadiran ini yang perlu dipertingkat selain dari sudut agama, moral, kesedaran jiwa dan pemikiran.

Pendedahan KPM mengenai 402 senarai sekolah “hotspot” seluruh Malaysia berkaitan masalah disiplin dan dadah melalui saluran media-media utama di negara ini sememangnya perlu diberi perhatian utama. Isu ini juga turut menjadi tular di media sosial dan seperti biasa ramai pakar tingkahlaku devian mula tampil memberi pandangan dan cadangan, tidak kurang juga menjatuhkan hukuman kepada pihak-pihak tertentu. Berdasarkan kepada pendedahan tersebut sebanyak 13 buah sekolah di Kelantan tersenarai sebagai sekolah bermasalah disiplin dan dadah. 12 buah daripadanya adalah yang bermasalah disiplin. Hal ini menunjukkan Kelantan antara negeri paling banyak sekolah yang tersenarai bermasalah di Malaysia turut menjadi faktor kenapa Daerah Pasir Mas, Kelantan dipilih sebagai lokasi kajian. Selain itu, rekod lima tahun Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan (JPNK) menunjukkan masalah berkaitan ponteng di Daerah Pasir Mas adalah paling ketara berbanding dengan masalah atau isu disiplin lain di daerah tersebut.

KPM telah mengeluarkan garis panduan khusus dalam menangani masalah ponteng Sekolah pada tahun 1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995, menangani masalah ponteng sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Sehubungan itu, KPM menerusi jawatankuasa bertindak Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010 berusaha melaksanakan pendekatan secara holistik bagi menangani gejala disiplin pelajar melalui Kempen Anti Ponteng Sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Dalam usaha menangani masalah ponteng aktiviti bersukan dan senaman tidak harus dilihat sebagai faktor sampingan. Regulasi berkaitan emosi dan minda (Bruner & Spink, 2011) telah menjadi asas dalam memantapkan aspek rohani,

jasmani, akhlak dan pemikiran remaja masa kini. Nilai-nilai murni yang merupakan perkara implisit dalam sukan berupaya membentuk insan yang seimbang (Falsafah Pendidikan Negara, 2000). Keadaan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa Pendidikan Moral dengan enam belas nilai, Pendidikan Islam dan Pendidikan Sivik belum berupaya menangani masalah dan isu akhlak murid. Pembangunan materialisme tidak akan membawa erti sekiranya masyarakat masih dibelenggu dengan pelbagai masalah sosial (Jamil, 2009; Ishak & Fin, 2013). Maka, dengan penyelidikan yang terperinci, informasi yang lengkap merentasi setiap bidang ilmu dapat direkodkan serta dijadikan rujukan untuk sama-sama menangani masalah disiplin murid.

Dalam konteks ini pendekatan pengajaran yang segar dan praktikal menjadi perlu dalam meningkatkan fokus dan keinginan belajar murid dalam kelas. Sehubungan itu, pengkaji melihat pendekatan TGfU merupakan suatu kaedah PdP yang tepat untuk dihubungkan dengan konstruk yang ingin dinilai dalam kajian ini. TGfU yang dihasilkan oleh David Bunker dan Rod Thorpe pada tahun 1982 di Universiti Loughborough merupakan satu bentuk pengajaran yang mampu menarik minat murid dalam bilik darjah ataupun luar bilik darjah supaya mereka tidak merasa bosan (Tan et al., 2012). TGfU menawarkan suatu kaedah untuk meningkatkan keinginan bermain seterusnya mendorong keinginan murid-murid untuk belajar teknik bermain seterusnya meningkatkan pencapaian diri melalui prinsip atau konsep dalam permainan tertentu (Holt, 2002; Robertson, 2016). TGfU juga mampu menjadikan kelas PdP sebagai tempat yang sesuai untuk persaingan, meningkatkan motivasi dan memberi keseronokan (Ibrahim et al., 2021c). Dalam konteks kajian ini pengkaji menekankan kepada konsep permainan dan membolehkan murid menguasai permainan seterusnya mampu berafiliasi baik dalam interaksi sosial dan perhubungan (Dobbins et al., 2013; Dogra & Stathokostas, 2012).

Justeru, kedudukan isu dan ruang dalam kajian berhubung kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan belajar dengan salahlaku ponteng dilihat sebagai kajian yang perlu diselidik di Malaysia terutama mengaitkan kesan aktiviti fizikal, emosi kepada kecenderungan melakukan salahlaku ponteng sebagai konstruk utama. Dalam kajian ini penyelidik berminat untuk melihat sejauh mana hubungannya aspek fizikal, emosi dan keseronokan dan kepuasan belajar mampu memberi kesan kepada masalah ini dan mencari jalan penyelesaian melalui aktiviti fizikal melalui suatu program intervensi menggunakan konsep dan pendekatan TGfU dalam permainan tradisional.

1.4 Kepentingan kajian

Konsep disiplin yang turut melibatkan peneguhan positif, pujian serta konsep pengajaran tentang perlakuan yang diterima sebenarnya untuk mengawal tingkah laku individu (Mohd Hasem, 2018). Oleh itu, ianya memerlukan usaha yang berterusan dan bukan hanya apabila berlakunya sesuatu tingkah laku bermasalah. Melakukan aktiviti fizikal seperti bersukan dan senaman telah menjadi antara syor atau alasan yang paling kerap dicadangkan apabila persoalan berkaitan menangani pelbagai gejala sosial diperkatakan (Bäckmand et al., 2009). Bersenam atau bersukan dikatakan cara terbaik mengaitkan kesan positif peredaran sistem kimia badan yang tinggi dengan emosi dan kebolehan kognitif dalam melakukan kerasionalan berfikir dalam membuat keputusan mengenai hidup (McCarthy, 2011). Sehubungan itu, dasar “Satu Murid Satu Sukan” yang dilancarkan adalah untuk membentuk sahsiah, jati diri, disiplin serta nilai murni yang menjadi tunjang pembentukan modal insan yang seimbang.

Kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan berhubungkait antara satu dengan yang lain dalam penilaian personaliti individu. Regulasi emosi beroperasi pada tahap implisit yang berlaku dalam tubuh badan dan minda (Bruner & Spink, 2011). Asas

dalam pemantapan emosi, rohani, jasmani, akhlak dan pemikiran remaja masa kini perlu dalam usaha menangani masalah sosial dalam kalangan murid-murid malahan dalam hal ini aktiviti bersukan dan senaman tidak harus dilihat sebagai faktor sampingan. Tahap kecergasan fizikal dan pencapaian emosi yang baik membolehkan individu sukan mendapat manfaat fisiologi dan psikologi yang mampu menangani pelbagai isu sosial (Brandmiller, 2020; Roessler, 2011).

Kajian ini akan memberi sumbangan besar kepada perkembangan pengetahuan baru dalam pendidikan dengan mengaitkan kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan berkaitan dengan isu ponteng. Kemampuan pengkaji merealitkan apa yang ada dalam fikiran murid-murid kepada bentuk yang lebih objektif melalui penghasilan modul PdP menunjukkan fenomena ini boleh dikaji secara terperinci serta dimantapkan lagi. Usaha untuk mengaitkan kesan bersukan terhadap emosi dan kognitif dengan salah laku ponteng memberi pengetahuan berguna kepada pengkaji dalam usaha mengembangkan dan mengangkat kajian ini kepada tahap nasional dengan melibatkan skala pengujian yang lebih besar sekiranya diberi ruang.

Kaedah bermain merupakan medium pengajaran yang berkesan bagi murid pada peringkat kanak-kanak kerana mereka menyukai pendidikan yang tidak formal khasnya yang menawarkan kebebasan untuk melakukan aktiviti yang lebih mencabar bersama alam sekeliling (Bisson & Luckner, 1996; Gremeaux et al., 2012). Bagi golongan murid-murid pada peringkat ini, persekitaran belajar begitu penting dalam kehidupan dan proses peningkatan ilmu pengetahuan mereka. Selain itu, konsep bermain sambil belajar penting untuk mereka membangun diri, mengambil tanggungjawab dan merasa diri dihargai (Berry & Strachan, 2012). Oleh itu, kaedah ini amat bertepatan dengan

sikap mereka yang mempunyai motivasi diri rendah sekaligus mampu mengurangkan keciciran dan kadar buta huruf.

Tidak dinafikan masalah ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah merupakan antara faktor yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam arus pendidikan negara (Eastman et al., 2007; Noddings & Brooks, 2016; Sharif & Suria, 2012). Namun begitu, usaha untuk menarik golongan ini agar sama-sama mendukung aspirasi pendidikan negara tidak boleh dipandang ringan dan wajar diberi perhatian oleh semua pihak. Mendekati golongan ini menggunakan pendekatan pendidikan yang menarik dan memenuhi keperluan mereka adalah perlu bagi meningkatkan kefahaman masyarakat kepada peri pentingnya pendidikan (Nathan, 2018). Dapatan daripada kajian ini yang memberi penekanan khusus kepada kaedah belajar sambil bermain dapat meningkatkan minat murid terhadap sekolah sekaligus meningkatkan pencapaian akademik mereka (Barba-Martín et al., 2020; Butler, 2006).

Maka, kajian ini menjadi amat penting bagi mengimbangi hubungan antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan supaya setiap aspek yang membawa kepada kegagalan dan perlakuan bermasalah dikaji dengan lebih teliti serta tidak lagi dibebankan kepada mana-mana pihak terutama pihak sekolah (Marlow & Rehman, 2021). Kerap kali kedengaran, penyalahgunaan media sosial, kelonggaran kawalan guru, ibubapa dan pengaruh rakan sebaya dikatakan antara punca utama kecenderungan berlakunya pelanggaran disiplin ponteng ini berlaku (Oplatka & Atias, 2007; Reid, 2002; 2003). Sesungguhnya kajian ini berupaya memberi ruang untuk menjelaskan satu lagi disiplin ilmu yang berkaitan kecenderungan ponteng yang dibahaskan melalui aspek kecergasan fizikal, emosi serta isu berkaitan keseronokan dan kepuasan belajar.

Walaupun faktor emosi dan keseronokan telah banyak dikaji melalui pelbagai aspek lain terutama berkaitan akademik (Dotterer, & Lowe, 2011; Mega et al., 2014; Voss et al., 2011; Yu, et al., 2006) dan isu disiplin yang sering dibincang bersama melalui kaedah keagamaan dan moral (Bakar & Hamzah, 2019; Hasem, 2018), di sini pengkaji cuba untuk mengaitkan elemen-elemen tersebut dengan isu ponteng yang mana ianya masih kurang diteroka. Oleh itu, dengan penerokaan serta pengujian pembolehubah baharu daripada kajian ini secara lebih mendalam diharap dapat memberi impak besar kepada perubahan system pendidikan negara secara keseluruhannya. Kajian ini melihat aspek hubungan kesan kecergasan fizikal, kesan emosi dan keseronokan terutama dari sudut psiko-fisiologi dan menghubungkan dengan masalah ponteng sekolah diperingkat awal masalah disiplin murid (Alcalá et al., 2019).

Dalam mengawal tingkah laku murid-murid yang bermasalah, fungsi guru dilihat semakin bertambah kompleks untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang dapat membantu murid memilih tingkah laku yang sesuai dan bermanfaat (Reeve, 2009). Untuk mencapai persekitaran yang kondusif tersebut, keperluan guru dan murid perlu dipenuhi melalui pengurusan bilik darjah yang asertif. Guru perlu membentuk satu peraturan bilik darjah yang jelas dan spesifik serta berkuatkuasa sepanjang waktu kelas berjalan. Apabila terdapat murid-murid yang mewujudkan masalah disiplin, guru akan merujuk kepada sistem peraturan yang telah ditetapkan bagi merujuk jenis dendaan yang akan dikenakan. Misalnya dalam gejala ponteng sekolah ini, jika berlaku murid melanggar peraturan, guru haruslah mengenakan peneguhan positif yang berstruktur dengan menyuruh murid sedaya upaya untuk mengelak daripada melakukan kesalahan (Emmer & Stough, 2001).

Justeru, pengkaji berpendapat, pembolehubah-pembolehubah yang dipilih berupaya menghubungkan dapatan kajian secara lebih bersistematik dan terperinci. Tujuannya, supaya perspektif sukan berkaitan fisiologikal (Chaput et al., 2010) dan biologikal (Cardoso et al., 2014) yang selalu terlepas pandang dalam mengkaji isu disiplin dikenalpasti secara serius serta membantu memperkemas sumber ilmu terutama bagi mereka yang terlibat dalam pengkajian faktor sosial ini. Harapan yang tinggi juga diletakkan agar masyarakat Malaysia melihat fenomena ini secara ilmiah. Sudah sampai masanya setiap antara kita terdiri daripada guru, ibu bapa dan masyarakat amnya boleh berdiskusi dan memahami fenomena bersukan dan kesan psikologi serta pengaruhnya dalam penglibatan murid berkaitan masalah disiplin sekolah yang secara realiti mampu membawa perubahan fisiologi serta implikasi psikologi kepada mereka (Roubinov et al., 2021).

Selain itu, pemilihan permainan tradisional berkonsepkan TGfU bagi program intervensi, ujian kecergasan fizikal dan aspek perubahan psikologi (emosi) dan keseronokan ke atas gejala ponteng murid-murid dilihat masih belum dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Bagi Teasley, (2004) dan Rasberry et al. (2011), merumuskan implikasi positif yang ditemui hasil dari maklumbalas penyelidikannya menyatakan bahawa aspek lain dalam menangani isu ketidakhadiran ini yang perlu dipertingkatkan selain dari sudut agama, moral, dan kesedaran jiwa. Pengkaji menyenaraikan beberapa jangkaan dapatan kepada kajian ini untuk menangani isu yang diketengahkan yang mampu memberi kesan besar kepada pengurusan di peringkat sekolah mahupun di peringkat negara secara keseluruhannya.

1. Kajian ini mampu membantu murid yang terlibat dalam gejala ponteng agar lebih bermotivasi tinggi untuk menghadiri kelas harian mahupun kelas tambahan yang dianjurkan oleh sekolah.
2. Kajian ini juga diharap mampu membantu murid yang berhadapan dengan isu ponteng dapat ditangani melalui perspektif sukan, emosi dan keseronokan.
3. Melakukan aktiviti fizikal seperti bersukan dan senaman telah menjadi antara syor atau alasan yang paling kerap dicadangkan apabila isu dalam menangani gejala sosial diperkatakan (Hills et al., 2015).
4. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan boleh diberi penekanan khusus terutama bagi kajian masa depan berkaitan kaedah belajar sambil bermain dan kaitannya dengan masalah disiplin dan ponteng kerana kaedah ini terbukti meningkatkan kecergasan dan minat murid terhadap sekolah sekaligus meningkatkan pencapaian akademik mereka.

1.5 Rasional kajian

Aktiviti kecergasan fizikal seperti bersenam dan bersukan menjadi antara cadangan terpenting apabila kerap kali isu berkaitan masalah sosial diperdebatkan (Atherton et al., 2019; Malina, 2001). Pilihan yang ada dikatakan jalan terbaik untuk mengurangkan risiko dengan memberi kesan positif terhadap individu melalui system kimia dalam badan manusia agar terkawal ketika membuat keputusan (Elias et al., 2011; Netz, 2009; Watson & Benelam, 2012). Asas dalam pemantapan emosi, rohani, jasmani, akhlak dan pemikiran remaja adalah keupayaan individu mengelakkan diri daripada

melakukan perkara-perkara yang menyalahi disiplin dan peraturan (Canter, 2010; Tran, Siemer & Joormann, 2011).

Program yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 2 Julai 2011 di bawah program “Satu murid satu sukan” dengan mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah telah menjadi nilai tambah kepada peningkatan aspek kesihatan sosial murid. Antara lain hasrat yang terkandung dalam dasar sukan ini ialah untuk membentuk sahsiah, jati diri, disiplin serta nilai murni yang menjadi tunjang kepada pembentukan modal insan yang seimbang. Jelaslah di sini, hasrat tersebut merupakan kesan implisit yang telah dan perlu diindoktrin dalam minda setiap murid. Bloom dan Willard (2002), menyatakan sukan tetap menjadi propaganda positif untuk membentuk modal insan seimbang dan sebagai alat penyatuan masyarakat.

Usaha-usaha untuk membatasi kecenderungan murid melakukan salahlaku disiplin berkaitan ponteng dan lencongan kehadiran, aktiviti bersukan sememangnya tidak boleh dilihat hanya sebagai faktor sampingan. Penerapan nilai yang sememangnya wujud secara implisit dalam sukan berupaya membentuk modal insan yang seimbang (Falsafah Pendidikan Negara, 2000). Gambaran umum menunjukkan seolah-olah penerapan aspek Pendidikan Islam, Moral (enam belas nilai), dan Pendidikan Sivik dan Kenegaraan belum berupaya untuk menangani kegawatan dan kejatuhan akhlak remaja ketika ini. Maka, gabungan kepada program fizikal melalui penyelidikan yang terperinci, dengan informasi yang lengkap dan jelas merentasi setiap bidang ilmu mampu merekodkan satu lembaran baharu sebagai rujukan untuk sama-sama membantu menangani masalah disiplin berkaitan ponteng (Claes et al., 2009).

Kepelbagaian usaha dan penyelidikan terhadap isu ini membolehkan masalah ini diambil cakna dalam menangani masalah sosial yang kian parah mendepani murid-murid. Justeru, harapan pengkaji kajian ini mampu menjadi alternatif terbaik membantu murid yang berhadapan dengan masalah ponteng dan dapat ditangani melalui perspektif sukan dan permainan (Clare et al., 2009) melalui program intervensi yang terancang (Dembo & Gulledge, 2012). Sesuai dengan peranan kanak-kanak yang merupakan tunjang untuk melahirkan generasi baharu Malaysia yang kompetitif yang memiliki akhlak dan budi pekerti baik seterusnya menjadi intipati kepada kemajuan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

1.6 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini adalah untuk melihat kesan penggunaan modul pengajaran yang dibina berasaskan elemen TGfU terhadap murid-murid bermasalah disiplin ponteng. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti perkaitan antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan dengan isu ponteng. Objektif khusus kajian ini adalah bertujuan:

- 1.6.1 Membina modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan TGfU melalui permainan tradisional bagi murid-murid di sekolah rendah.
- 1.6.2 Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soalselidik *Achievement Emotions Questionnaire-Physical Education-Malay version* dan *Quality of Life Enjoyment and Satisfaction Questionnaire-Malay version* bagi memenuhi keperluan pengujian dan pengukuran murid-murid di sekolah rendah.
- 1.6.3 Menguji keberkesanan program intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional terhadap kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah.

- 1.6.4 Menentukan perubahan tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah.
- 1.6.5 Menentukan perkaitan antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah.

1.7 Persoalan Kajian

Isu utama kajian ini menfokuskan kepada isu ponteng dari sudut kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan murid-murid di sekolah rendah. Justeru, lima persoalan kajian adalah:

- 1.7.1 Apakah reka bentuk pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan TGfU dalam permainan tradisional bagi murid-murid di sekolah rendah?
- 1.7.2 Apakah kesahan dan kebolehpercayaan soalselidik *Achievement Emotions Questionnaire-Physical Education-Malay version* dan *Quality of Life Enjoyment and Satisfaction Questionnaire-Malay version* dapat memenuhi keperluan pengujian dan pengukuran murid-murid sekolah rendah?
- 1.7.3 Adakah wujud keberkesanan pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional berkaitan kesihatan fizikal, emosi, dan keseronokan terhadap murid-murid ponteng di sekolah rendah?
- 1.7.4 Apakah perubahan tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah?

- 1.7.5 Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah?

1.8 Hipotesis Kajian

Secara operasi, kajian ini menguji hipotesis-hipotesis nol berikut pada tahap kesignifikan $\alpha = 0.05$:

- 1.8.1 **H₀₁**: Tidak terdapat reka bentuk pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan TGfU dalam permainan tradisional bagi murid-murid di sekolah rendah.
- 1.8.2 **H₀₂**: Tidak terdapat kesahan dan kebolehpercayaan soalselidik *Achievement Emotions Questionnaire-Physical Education-Malay version* dan *Quality of Life Enjoyment and Satisfaction Questionnaire-Malay version* dalam memenuhi keperluan pengujian dan pengukuran murid-murid di sekolah rendah.
- 1.8.3 **H₀₃**: Tidak terdapat perubahan yang signifikan pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional berkaitan kesihatan fizikal, emosi dan keseronokan terhadap murid-murid ponteng di sekolah rendah.
- 1.8.4 **H₀₄**: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengukuran tahap kecergasan fizikal, emosi, dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah.
- 1.8.5 **H₀₅**: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecergasan fizikal, emosi dan keseronokan sebelum dan selepas intervensi pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional dalam kalangan murid-murid ponteng di sekolah rendah.

1.9 Skop kajian

Secara lebih berfokus, pengkaji menganalisis skop kajian ini meliputi bidang sukan, psikologikal, dan sosiologi. Fokus utama kepada isu sosial global yang menjadi pilihan pengkaji ialah mengenai kecenderungan salahlaku ponteng di sekolah yang semakin menjadi perhatian umum. Proses pembinaan modul PdP yang telah melalui pelbagai peringkat kerja kajian diberi perhatian utama. Seterusnya, ujian pengesahan kepada soal selidik kajian turut dijalankan melalui kaedah ujian *Confirmatory factor analysis* (CFA). Seterusnya kajian lapangan melibatkan program intervensi yang dijalankan ke atas murid-murid yang berumur 11 tahun (darjah lima) sahaja yang sedang belajar di sekolah harian melalui program intervensi PdP pelaksanaan modul TGfU melalui permainan tradisional. Kanak-kanak kategori umur ini dipilih kerana pada peringkat ini mereka dalam proses mencari identiti diri dan sedang melalui proses perubahan fizikal tubuh badan, kecelaruan psikologi yang berlaku dalam jiwa (Albert, 2011; Vink et al., 2014), selain mereka tidak terlibat dengan peperiksaan umum.

1.10 Definisi operasional

1.10.1 Pendekatan – Satu kaedah yang digunakan atau cara untuk menangani sesuatu isu.

1.10.2 *Teaching Games for Understanding* (TGfU) – Program pedagogi yang berfokus kepada kaedah bermain sambil belajar bagi menarik minat murid-murid.

1.10.3 Kecergasan fizikal – Sihat tubuh badan dan dapat melakukan aktiviti-aktiviti fizikal dengan berkesan. Song et al. (2021) dan Thivel et al. (2011), menyatakan kecergasan berlandaskan kesihatan merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan fungsi fisiologi dan psikologi yang dipercayai mempengaruhi seseorang individu